

## **KATA ALU-ALUAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera kepada semua alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak yang dikasihi,

Saya dengan rasa bangga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada UiTM Cawangan Sarawak atas pencapaian luar biasa mereka sepanjang 50 tahun ini. Sambutan Jubli Emas sempena Ulang Tahun ke-50 ini adalah bukti kukuh kepada perjalanan UiTM Cawangan Sarawak dalam menyumbang terhadap perkembangan pendidikan dan pembangunan Negeri Sarawak.

Sejarah UiTM Cawangan Sarawak adalah satu yang membanggakan. Ketokohan cawangan ini dalam memberi sumbangan kepada negara, terutamanya dalam bidang Pendidikan sungguh luar biasa. Sehubungan itu, kami di UiTM tidak boleh menafikan usaha gigih para alumni yang turut serta mencipta nama UiTM Cawangan Sarawak dalam pelbagai bidang dan lapisan masyarakat.

Majlis Homecoming Dinner UiTM Cawangan Sarawak ini merupakan peluang untuk kita semua berkumpul, mengenang kenangan lama, dan meraikan pencapaian UiTM Cawangan Sarawak. Ia juga merupakan masa yang sesuai untuk mengeratkan silaturahmi antara kita sebagai ahli keluarga UiTM.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan serta alumni UiTM Cawangan Sarawak kerana sentiasa setia dan berdedikasi kepada institusi ini. Kejayaan UiTM Cawangan Sarawak adalah cerminan kejayaan anda semua, dan kita harus terus bersama-sama untuk mencapai matlamat dan impian kita yang lebih besar.

Selamat menyambut ulang tahun ke-50 UiTM Cawangan Sarawak. Semoga lebih banyak kejayaan akan diperolehi pada masa akan datang. Marilah kita terus bersama-sama membina legasi yang kukuh dan meneruskan warisan keunggulan UiTM Cawangan Sarawak.

Tahniah juga diucapkan kepada jawatankuasa penganjur yang telah berjaya merealisasikan majlis ini. Semoga segala usaha dan sumbangan anda dibalas dengan kebaikan.

Sekian, Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Teknologi MARA**  
**11 Oktober 2023**